

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
[TEMERLOH - PAS]**

TARIKH : 14 MAC 2018 (RABU)

SOALAN NO. 48

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah strategik pihak Kementerian bagi mengurangkan pengangguran belia hari ini.

15
SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan melalui Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) telah melaksanakan kajian bertajuk **“Youth Unemployment Profiling & Employability Competencies”** pada tahun 2016 bagi mewujudkan profil belia menganggur dan membangunkan alat pengukuran bagi kompetensi kebolehpasaran belia serta mengenalpasti kecenderungan belia terhadap pekerjaan 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*).
2. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti (58.3%) responden dalam kalangan belia yang menganggur adalah berumur 20 hingga 24 tahun. Selebihnya (34.8%) belia menganggur adalah mereka yang berumur 25 hingga 30 tahun. Selain itu, kemahiran berbahasa Inggeris serta kemahiran keusahawanan berada di tahap sederhana dari segi kebolehpasaran kompetensi belia. Terdapat lima (5) faktor utama belia menganggur iaitu permohonan kerja yang tidak berjaya (61%), masih menunggu tawaran kerja (11.8%), memilih pekerjaan (5%), baru menghabiskan pelajaran dan ingin berehat (4.4%) serta belia yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi (4.4%).
3. Kajian bertajuk **“Belia: Kenapa Tidak Bekerja?”** telah dilaksanakan pada tahun 2017 bagi mengenal pasti faktor pengangguran, ekspektasi belia terhadap pilihan pekerjaan dan mengetahui kaedah belia dalam mencari pekerjaan.

SULIT

4. Kajian secara online ini mendapati bahawa sebanyak 30.3% belia memerlukan kurang daripada 3 bulan untuk mendapatkan pekerjaan. Selain itu, sebanyak 85.3% menyatakan sanggup menerima tawaran kerja sekiranya gaji yang ditawarkan kurang dari permintaan. Antara lima (5) ekspektasi belia terhadap pekerjaan ialah adanya jaminan kerja, keseimbangan kerja dan kehidupan, mempunyai faedah dan ganjaran, mempunyai penyelia yang prihatin dan persekitaran kerja yang kondusif.
5. Berdasarkan kepada dapatan dan rumusan kajian **“Youth Unemployment Profiling & Employability Competencies”** pada tahun 2016, terdapat beberapa langkah strategik bagi mengatasi pengangguran di kalangan belia iaitu :-
 - a) Melaksanakan program pembangunan belia yang lebih bersepadu merangkumi kemahiran berasaskan pembangunan kerjaya;
 - b) Memberi penekanan khusus berkenaan Bahasa Inggeris kepada semua program belia yang dianjurkan oleh Kementerian termasuk penerapan kepada pelajar Institut Latihan KBS (ILKBS);
 - c) Memperbanyakkan program belia berunsurkan keusahawanan untuk ditawarkan kepada belia yang tidak berminat dalam bidang pelajaran;
 - d) Meningkatkan fleksibiliti pendidikan vokasional melalui penyediaan program jangka pendek kepada belia;

M
SULIT

- e) Melaksanakan kerjasama antara pemegang taruh yang berkepentingan (*Key Stakeholders*) dan Kementerian dengan lebih berkesan dalam melaksanakan perkongsian data dan program pekerjaan yang lebih berfokus; dan
- f) Melaksanakan program kerjaya dengan memfokuskan kumpulan sasaran kepada golongan belia terpinggir (*marginalized youth*).

Sekian, terima kasih.

SOALAN (49)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 22 MAC 2018
[KHAMIS]
DARIPADA : YB DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK
BADAK
[LUBOK ANTU]
SOALAN :

YB DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [LUBOK ANTU]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah permohonan
diterima daripada para peniaga kaum Bumiputera Sarawak untuk
mendapatkan geran daripada **TERAJU** dan berapa yang telah
diluluskan.

119

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 5 Program Inisiatif Pembangunan Usahawan Bumiputera telah dijalankan di Negeri Sarawak melalui Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). Statistik bantuan dana dan Program Inisiatif Pembangunan Usahawan Bumiputera Di Negeri Sarawak dari 31hb Januari 2018 adalah seperti berikut:

1. Program Dana Mudahcara Bumiputera

Sebanyak RM 200 juta telah diperuntukkan kepada Negeri Sarawak di bawah program ini. Sehingga penghujung Januari 2018, kelulusan sebanyak RM 124.1 juta Dana Mudahcara ini telah diberikan kepada 61 buah projek yang melibatkan 52 buah syarikat Bumiputera dengan nilai pelaburan swasta sebanyak RM 908 juta dan mencipta sebanyak 3,500 peluang pekerjaan baru di Sarawak. Program Dana Mudahcara Bumiputera ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Perindustrian (MIED), Kerajaan Negeri Sarawak.

2. PROGRAM TeraS (Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi) Dan PROGRAM DANA TeraS

Sehingga penghujung Januari 2018, terdapat sebanyak 1083 syarikat yang telah menyertai Program TeraS dari seluruh negara dan 94 syarikat daripadanya adalah dari Sarawak. Dari jumlah tersebut, 86 peratus adalah terdiri daripada syarikat-syarikat yang berkecimpung dalam sektor perkhidmatan manakala 14 peratus pula terlibat dalam aktiviti-aktiviti pembuatan. Pada masa yang sama, sebanyak 30 syarikat TeraS di Sarawak telah menerima pembiayaan Dana TeraS yang berjumlah RM 72.7 juta untuk pembiayaan aset dan modal kerja untuk syarikat-syarikat TeraS tersebut. Program Dana TeraS ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan SME Bank, RHB Islamic Bank dan Maybank Islamic.

3. Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB)

Skim ini ditujukan untuk membiayai syarikat-syarikat permulaan (atau *start up companies*), yang baru memulakan perniagaan mereka. Skim ini dijalankan melalui pertandingan dan ianya bertujuan untuk mengkomersilkan idea-idea perniagaan yang inovatif dan kreatif yang boleh diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi. Seramai 6 usahawan yang berjaya menerima bantuan

geran SUPERB bernilai RM 3 juta ini adalah dari Sarawak. Skim ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan 10 agensi kerajaan termasuk MAVCAP, MTDC, MDEC dan lain-lain.

4. Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera Sarawak

Tujuan program ini adalah untuk membangunkan usahawan mikro Bumiputera di Sarawak dan mensasarkan penglibatan 700 usahawan mikro dari seluruh negeri. Sebanyak RM 15 juta telah diperuntukkan untuk program ini dengan pecahan sebanyak RM 14 juta untuk pembangunan usahawan dan RM 1 juta untuk pembangunan kapasiti. Sehingga akhir Januari 2018, sebanyak RM 11.7 juta telah disalurkan untuk pembangunan usahawan yang melibatkan seramai 485 usahawan dan sebanyak RM 845 ribu telah dibelanjakan untuk pembangunan kapasiti 643 belia di negeri Sarawak. Program Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera Sarawak ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Perindustrian (MIED), Sarawak.

5. Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera Melalui Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

Sebanyak RM 1 juta telah diperuntukkan kepada 2 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari Sarawak yang dikenalpasti untuk melaksanakan program-program pembinaan kapasiti. Kedua-dua NGO terbabit adalah Dewan Usahawan Bumiputera Sarawak (DUBS) dan Dayak Chamber of Commerce and Industry (DCCI). Seramai 846 usahawan Bumiputera Sarawak telah dibantu melalui program ini.

Sekian, terima kasih.

Mac 2018